

RM750 juta menoktahkan miskin tegar melalui IPR

PETALING JAYA: Kerajaan memperuntukkan RM750 juta kepada Kementerian Ekonomi bagi menoktahkan kemiskinan tegar melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beberapa pendekatan baharu akan dilaksanakan untuk mengatasi kelemahan pelaksanaan lalu bagi meningkatkan keupayaan isi rumah miskin tegar meraih pendapatan.

“Iltizam kerajaan hari ini adalah untuk menoktahkan kemiskinan tegar. Kira-kira 130,000 rakyat tersusah tanpa mengira latar belakang kaum

akan segera dibantu untuk keluar daripada belunggu kemiskinan melalui langkah yang lebih menyeluruh. Kerajaan akan melaksanakan IPR yang akan mengumpulkan kepada pengupayaan golongan miskin supaya meningkatkan potensi pendapatan.

“Antaranya, bantuan dan kemudahan kepada peserta tidak lagi diberikan sekali gus tetapi secara bulanan dan dipantau sama ada sewa beli kelengkapan atau subsidi penggajian untuk majikan yang mengambil peserta miskin tegar bekerja,” katanya di Dewan Rakyat semalam.

Anwar berkata, aktiviti ekonomi yang disertai oleh

kumpulan tersebut bagi membantu mereka keluar daripada belunggu kemiskinan, haruslah memenuhi keperluan komuniti setempat terutamanya sektor agro pertanian dan makanan bagi memastikan permintaan berterusan.

“Program ini menyasarkan untuk peserta meraih pendapatan antara RM2,000 hingga RM2,500 dalam tempoh pemantauan 24 bulan. Selepas itu, mereka dapat menjana pendapatan sendiri melalui hasil yang diperolehi,” katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata, bagi memastikan tiada lagi kumpulan yang tercicir

daripada menerima bantuan, kerajaan akan melaksanakan pemutihan senarai penerima bantuan bulanan.

“Kerajaan kini membayar bantuan kebajikan bernilai RM2.5 bilion kepada lebih 400,000 penerima.

“Bagi menyegerakan data dikemaskini dan memastikan tiada lagi yang tercicir daripada menerima bantuan, kerajaan akan melaksanakan pemutihan senarai penerima bantuan bulanan kerajaan antara Unit Penyelidikan Pelaksanaan (ICU) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah satu pangkalan data,” jelasnya.